

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini pada dasarnya tiada halangan terhadap permohonan tersebut sebagaimana Pelan Susunatur No. D\CIMEDINI-CII/P2/KMPB/1-18119.DWG dan Pelan Saliran No. TLK-ALP/J1602/RD/01.

3. Sehubungan dengan itu, pihak pemohon dan Jurutera Perunding Ir. Ter Leong Keat (TLK Alpway Associates Sdn. Bhd.) hendaklah mematuhi dan bertanggungjawab sebagaimana syarat-syarat (**Perkara 1, 3, 6, 7, 9, 11 hingga 13 sahaja dipatuhi**)

SYARAT-SYARAT

PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

1. Bayaran Sumbangan Saliran sebanyak RM 5,000/ekar (Majlis Daerah) / RM 10,000.00/ekar (Majlis Bandaraya & Perbandaran) sebagaimana Pekeliling PTG. Johor Bil.2/2017 hendaklah dijelaskan kepada Pejabat Tanah Daerah.
2. Rizab Sungai/Parit _____ selebar _____ meter hendaklah diserahkan balik bagi penyelenggaraan dimasa akan datang.
3. Semua perparitan dalaman hendaklah direkabentuk tidak kurang daripada 5 ARI.
4. Pembangunan ini hendaklah dilengkapkan dengan kemudahan OSD (On Site Detention) Berpusat yang rekabentuknya berdasarkan 10 ARI. Semua air larian permukaan untuk kawasan tapak projek ini hendaklah disalurkan ke dalam OSD Berpusat ini, sebelum disalirkan ke dalam parit tepi jalan. Sekiranya, OSD Berpusat dibina didalam bangunan, pihak Majlis hendaklah memastikan ianya ditunjukkan dalam pelan bangunan sebelum diperakukan.
5. Pembangunan ini hendaklah dilengkapkan dengan kemudahan Kolam Takungan Air yang rekabentuknya berdasarkan 50 ARI.
6. Rantaian perparitan utama yang menuju ke KTA hendaklah direkabentuk berdasarkan 50 ARI.
7. Sistem saliran tapak ini akan disalurkan ke dalam Kolam Takungan Air berhampiran yang telah diluluskan sebelum ini.
8. Satu tapak OSD (On Site Detention) Berpusat / Kolam Takungan Air seluas _____ ekar sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Susunatur No. _____ dan diserahkan balik kepada Kerajaan untuk dirizabkan.
9. Mengemukakan perkara-perkara berikut untuk penyemakan dan kelulusan Jabatan ini, semasa permohonan peringkat permohonan kerjatanah dan perparitan nanti :-
 - i) Pelan-pelan perparitan dan kerjatanah tapak cadangan pembangunan ini, lengkap dengan butiran cut & fill, muka-muka keratan rentas, jenis perlindungan cerun bagi kawasan memotong/menambak dan sebagainya.
 - ii) Pelan-pelan terperinci ESCP (Erosion & Sediment Control Plan).
 - iii) Laporan ESCP yang dikemukakan hendaklah mengandungi perakuan daripada pihak Jurutera Perunding dan pemohon.
10. Pembangunan ini hendaklah disediakan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) (Rainwater Harvesting) untuk memanfaatkan kegunaan sumber air kearah pembangunan mampan.

11. Semua pelan saliran, kerjatanah, jalan dan perparitan serta ESCP hendaklah disediakan oleh Jurutera Perunding dan ditandatangani oleh Professional Engineer (PE) with Practising Certificate (PEPC).
12. Semua rekabentuk hendaklah mengikut garispanduan sebagaimana dalam Manual Saliran Mesra Alam (Edisi 2).
13. Pegawai daripada Jabatan ini berhak memasuki kawasan tapak permohonan pada bila-bila masa bagi menjalankan pemeriksaan untuk memastikan syarat-syarat dari Jabatan ini dipatuhi.

Sekian terima kasih.

* Nota : *Pelan susunatur dan pelan saliran/kejuruteraan yang dikemukakan secara "hard copy" ke Jabatan ini adalah pelan yang diperakukan.*